Bil 1 Januari - Mac 2013

# BULETIN

PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



5S KINI MILIK SSM ms:08

MAHASISWA TERUJA DI SSM ms:10

SSM Utamakan OKU ms:13



# NOTA PENGARANG

## Pandang ke depan, usah menoleh ke belakang.

Setiap tahun tanpa gagal, kedatangan Januari menjadi pelengkap kepada pembuka jendela tahun baru. Melangkah ke permulaan tahun 2013, setiap individu tentunya sudah bersiap siaga dengan senarai azam baru dengan penuh harapan agar ia dapat disempurnakan sebelum tahun berganti.

Justeru, mengatur azam setiap kali tahun baru, adalah satu langkah yang wajib, meskipun ada yang menganggapnya sebagai 'membosankan'. Tetapi memasang azam tidak salah sama sekali.

Namun yang sering menjadi bahan sindiran rakan-rakan adalah proses pelaksanaannya. Memilih, merangka dan menggariskan azam adalah satu proses yang harus dipisah-kan daripada fantasi dan emosi. Sebaliknya, mengotakan azam hendaklah berpaksi kepada realiti keupayaan dan kesanggupan diri. Jika melampau-lampau, azam itu bertukar menjadi sekadar ilusi semata-mata. Atau lebih buruk, pasang azam tapi tiada usaha dilakukan untuk mencapainya.

Apapun, tahun 2012 telah berlalu. Saya berasa gembira jika semua wargakerja SSM telah memulakan kehidupan baru di tahun 2013 ini. Nasihat saya, usah lagi memandang ke belakang, lihat ke depan.

Sebenarnya, semua orang akan melalui episod yang sama. Kecewa dan bahagia yang ditempuhi dalam kehidupan. Tetapi penting untuk kita sedar, kekecewaan atau kegembiraan ini akan memaknakan lagi perjalanan kehidupan kita untuk hari-hari mendatang. Kita akan lebih matang dan mampu berhadapan dengan apa juga cabaran.

Sebagai wargakerja SSM, kita harus berjuang dan berusaha untuk menghasilkan kualiti kerja yang terbaik demi masa depan SSM dan diri masing-masing. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Tapi saya akui, bukan mudah kerja mengubah tabiat lama dalam diri kita. Kadang-kala mengambil masa yang lama untuk menjadi seorang individu yang lebih baik berbanding sebelumnya. Masa merupakan peranan yang penting kerana perkara tersebut menentukan kualiti seseorang individu itu untuk membangun. Lebih banyak masa diperlukan, lebih banyak masa yang terbuang dan rugi begitu sahaja.

Menutup bicara kali ini, sementara kita diberikan kesempatan untuk terus bernafas di muka bumi ini, nikmatilah kehidupan dengan sebaik-baiknya. Kita seharusnya mendidik diri kita, jangan ukur diri kita dengan apa yang orang lain ada. Kita patut bersyukur dengan apa yang kita ada.

**Selamat membaca!**

**Zahrah Abd. Wahab Fenner**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# SIDANG REDAKSI


**PENAUNG**
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM**
Tuan Mohd Naim Daruwish
mnaim@ssm.com.my

**KETUA PENGARANG**
**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Zahrah Abd. Wahab Fenner
zahrah@ssm.com.my

**PENGARANG / PENYELARAS PENERBITAN**
Shahren Yusri
shahren@ssm.com.my

**PENGARANG**
Mohammad Arif Nizam Abdullah
arifnizam@ssm.com.my

**EDITOR**
Suzana Mohd Razali
suzana@ssm.com.my

**PENULIS / PENYUMBANG BAHAN**
Shahren Yusri
Mohammad Arif Nizam Abdullah

**JURUGAMBAR**
Ahli Kelab Fotografi SSM
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

**PENGUMPUL MAKLUMAT**
Zubaidah Yusof
Mohd Rafique Kosnin
Nurhereeda Mohd Nor
Muhammad Ilham Ibrahim
Nurulhazirah Md Idros

**PENGEDARAN**
Hairul Adhar Ramli
Mohd Haini Eszuandi Zainoren




04 MERUBAH MASA DEPAN OKU
05 HADIAH BUAT OKU
06 UCAPAN CEO
07 5S KINI MILIK SSM
08 HARI BERTEMU PELANGGAN
09 UTC PUDURAYA
10 PROGRAM *OUTREACH* TAIPING
11 MAJLIS MAKAN MALAM SSM





MAHASISWA TERUJA DI SSM 12
EKSEKUTIF HEBAT 13
PEKERJA BARU & TAKZIAH 14
SALAM PERSARAAN 16
TASKA SSM & PAKEJ INSENTIF PENIAGA KECIL 17
PELANCARAN LLP 18







19 ISU SUARAM
20 LATIHAN KEBAKARAN
21 SUMBANGAN PALESTIN
22 LAPORAN BERGAMBAR




# KANDUNGAN

Program Jalinan Kasih SSM Bersama OKU pada 23 Oktober 2012 di Menara SSM@Sentral

# MERUBAH MASA DEPAN OKU



Kadangkala kita sesekali terlepas pandang terhadap nasib golongan Orang Kurang Upaya (OKU) malah lebih menyedihkan terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak dapat menerima kehadiran mereka di dalam komuniti pada hari ini.

Apatah lagi, masih ada yang memandang sinis terhadap golongan OKU yang menjual tisu di kedai-kedai makan atau pun bermain muzik di kaki lima jalan dengan mengharapkan sumbangan ihsan wang orang ramai dalam mencari rezeki sesuap nasi.

Sekadar renungan, setiap insan ada hati dan perasaan serta serba kekurangan. Namun bagi golongan OKU semua itu tidak menjadi penghalang untuk mencapai matlamat berjaya dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Bagi golongan itu, memiliki semangat keusahawanan tinggi dan kemahuan untuk bersaing bersama masyarakat normal harus dipuji. Sebenarnya semakin ramai golongan OKU yang telah berjaya dalam bidang perniagaan hari ini.

Ini terbukti apabila suasana kemeriahan jelas terasa ketika berlangsungnya Program Jalinan Kasih – Kesedaran Keusahawanan Bersama OKU di Menara SSM@Sentral pada 23 Oktober 2012 lalu.

Karnival sehari yang cukup istimewa dan julung-julung kali diadakan itu dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk tarikan orang ramai. Antaranya taklimat perniagaan dan pinjaman kewangan, kuiz, pameran, jualan gerai, sukaneka, dan persembahan kumpulan OKU.

Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada golongan OKU tentang kepentingan mendaftarkan perniagaan di samping memahami dan menyelami permasalahan yang di hadapi golongan berkenaan terutamanya ketika berurusan dengan SSM.

Selain itu, program ini juga memberi pendedahan tentang cara-cara mendaftarkan perniagaan dan memaklumkan perkembangan terkini tentang produk serta perkhidmatan SSM yang mempunyai kaitan dengan mereka melalui pameran yang diadakan.

Pada masa sama, program ini mendekatkan golongan OKU untuk mengenali lebih lanjut tentang produk dan perkhidmatan terkini KPDNKK dan agensi di bawahnya yang lain seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Bank Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang dijemput untuk mengadakan pameran.

Penganjuran Program Jalinan Kasih ini jelas membuktikan pengiktirafan SSM terhadap golongan OKU agar mereka mampu menjadi usahawan yang berjaya di dalam dunia perniagaan setanding dengan masyarakat normal lain.

Menggunakan tema "Memacu Perniagaan, Memperkukuh Komuniti", program ini secara langsung mencerminkan peranan penting SSM sebagai pemudahcara bagi memperkukuhkan taraf hidup seluruh komuniti termasuk golongan OKU.

Oleh itu peluang dan ruang ini seperti program ini digunakan dengan sebaiknya oleh golongan OKU dalam merencana aktiviti perniagaan pada masa depan.

Diharapkan, Program Jalinan Kasih ini mampu memberi satu impak besar dalam kehidupan OKU sekeluarga seterusnya mereka keluar dari kepompong kehidupan yang cukup-cukup makan dalam usaha melibatkan diri dalam ekonomi bernilai tinggi.

Justeru penyertaan golongan OKU dalam Program Jalinan Kasih mampu membentuk persepsi yang baik terhadap golongan OKU untuk menjadi usahawan berjaya sekali gus menjadikan bidang itu satu kerjaya tetap pada masa akan datang.



# HADIAH BUAT OKU



Berita gembira buat golongan Orang Kurang Upaya (OKU) apabila mereka tidak dikenakan bayaran bagi permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan SSM berbentuk milikan tunggal atau perkongsian.

Tempoh insentif pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan milik OKU secara percuma ini berkuatkuasa bermula 23 Oktober 2012 sehingga satu tempoh yang diberitahu kelak.

Pengumuman insentif pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan OKU 2012 ini dibuat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakop bertujuan untuk membantu dan menggalakkan golongan kurang upaya menceburi bidang perniagaan.

Pengumuman tersebut dibuat pada Majlis - Perasmian Program Jalinan Kasih-Keseda ran Keusahawanan Bersama OKU di Menara SSM@Sentral Kuala Lumpur pada 23 Oktober 2012 lalu.

Dengan adanya insentif ini, ianya diharapkan dapat menggalakkan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan di kalangan golongan tersebut. Melalui pendaftaran ini juga, SSM dan kerajaan dapat mengumpul maklumat berhubung dengan golongan OKU yang terlibat di dalam sektor perniagaan dan keusahawanan yang boleh digunakan untuk merangka dan menggubal dasar dalam meningkatkan taraf kehidupan golongan tersebut.

Bagi memohon insentif ini, golongan OKU hendaklah mengemukakan kad pendaftaran OKU yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana-mana kaunter Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan satu salinan kad pendaftaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang permohonan.

Pada masa ini, perkhidmatan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan OKU ini hanya boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan Kaunter SSM di seluruh negara, perkhidmatan Kaunter Bergerak SSM dan di Pejabat SSM di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Pengumuman ini terhad kepada pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan untuk golongan OKU sahaja. Semua permohonan berkaitan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan dan permohonan untuk mendapatkan maklumat perniagaan semasa pendaftaran dan



pembaharuan akan dikenakan bayaran seperti yang telah ditetapkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Permohonan untuk Pendaftaran Cawangan Perniagaan dan pembaharuan masih dikenakan bayaran sebanyak RM5 bagi setiap satu cawangan untuk tempoh setahun.

Manakala, bagi permohonan pendaftaran perniagaan berbentuk perkongsian, kesemua rakan kongsi hendaklah terdiri daripada golongan OKU dan tidak akan dikenakan bayaran. Sekiranya terdapat rakan kongsi bukan OKU, konsep ini tidak terpakai.



# UCAPAN CEO

## PETIKAN UCAPAN KPE DI PERHIMPUNAN BULANAN BIL.1 2013 PADA 17 JANUARI 2013



Sebagai wargakerja SSM, dua persoalan utama perlu direnungkan dengan berakhirnya tahun 2012 dan menjelmanya tahun 2013.

*Pertama: Apakah sumbangan dan pencapaian setiap kita kepada organisasi sepanjang tahun 2012?*



Kita perlu fikir-fikirkan apakah kita telah menepati tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita sebagai wargakerja SSM; disamping samada setiap kita telah mencapai sasaran prestasi yang telah ditetapkan untuk diri kita ;

Kepada mereka yang merasakan diri telah mencapai prestasi yang cemerlang sebagai wargakerja SSM, tahniah diucapkan.

Bagi mereka yang merasakan diri masih di tahap rendah, bangunlah, berazam serta berusahalah untuk menjadi warga kerja yang lebih dedikasi dan cemerlang di tahun 2013 ini.

*Keduanya: Setakat mana pencapaian dan sumbangan organisasi sepanjang tahun 2012 kepada stakeholders kita khasnya dan negara amnya?*

Sepanjang tahun 2012, suka saya nyatakan secara keseluruhannya pencapaian kita adalah di tahap baik berdasarkan fungsi-fungsi utama SSM iaitu sebagai pendaftar perniagaan, penyimpan dan penyalur maklumat serta pengawal-selia korporat di Malaysia serta KPI yang telah ditetapkan.

Pencapaian baik ini meliputi aktiviti operasi rutin seperti pendaftaran perniagaan dan syarikat, penyimpanan dan penyaluran data dan maklumat korporat, perubahan dan pindaan polisi untuk mengwujudkan suasana perniagaan yang moden, kompetitif dan kondusif, tindakan pematuhan dan penguatkuasaan termasuk undang-undang, penambahbaikan sistem yang berterusan, latihan serta seminar bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada kakitangan dan *stakeholders* serta lain-lain aktiviti operasi yang bersangkutan.

Sepanjang tahun 2012, SSM telah merekodkan pendapatan keseluruhan berjumlah RM354.5 juta (berbanding RM357 juta pada tahun 2011). Tetapi jika diambilkira jumlah diskaun pakej insentif peniaga dan penjaja kecil, jumlah ini meningkat ke angka tertinggi dalam sejarah iaitu RM512 juta.

Dalam tempoh tersebut juga, sejumlah 45,441 (45,455) syarikat baru telah diperbadankan, 324,761 (284,598) perniagaan baru didaftarkan ; manakala 793,123 (532,693) pembaharuan perniagaan telah dilaksanakan.

Oleh itu secara kumulatifnya, bilangan syarikat yang berdaftar telah melepasi 1 juta; manakala perniagaan yang didaftarkan telah melebihi 4 juta.

Statistik ini menunjukkan betapa besarnya peranan SSM bagi mengawalselia institusi perniagaan ini dan beban yang kita pikul untuk aktiviti operasi bersangkutannya.

Di samping aktiviti operasi rutin yang telah saya sebutkan, kita juga telah dapat mengadakan pelbagai program khas sepanjang tahun 2012 dengan jayanya yang mana secara langsung telah meningkatkan kesedaran kewujudan SSM serta menaikkan imej dan *branding* institusi kita di mata umum.

Suka juga saya nyatakan di sepanjang tahun 2012, kita telah mendapat beberapa pengiktirafan yang membanggakan hasil dari usaha dan penat lelah yang dicurahkan oleh warga kerja SSM.

Antaranya adalah:

1 Anugerah 4 Bintang Kecemerlangan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara (4 dari 130 badan berkanun)

2 Anugerah Taraf 5 Bintang *Malaysian Govt Portal and Website Assessment*

3 Pensijilan Amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia bagi mengujudkan persekiran kerja yang bersih, selamat, teratur dan semangant bekerjasama

4 Kontinjen Terbaik Kategori Badan Berkanun di dalam Perhimpunan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2012

Pencapaian yang baik dan membanggakan seperti yang telah saya nyatakan tidak mungkin boleh dicapai tanpa komitmen, kerjasama dan khidmat bakti semua warga kerja SSM dalam melaksanakan kerja seharian disamping melontar idea-idea yang bernas bagi melaksanakan tugasan dan tanggungjawab tersebut.

# 5S KINI MILIK SSM

Kagum!!! Itulah yang boleh disimpulkan mengenai semangat kakitangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di Ibu Pejabat yang melibatkan diri secara langsung dengan aktiviti Sijil Amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Tanpa mengira masa dan keadaan, semua kakitangan telah berusaha dengan penuh semangat dan masih mampu tersenyum lagi walaupun penat dari segi mental dan fizikal. Itulah pengorbanan yang dilakukan dalam usaha  meningkatkan imej SSM sebagai agensi kerajaan yang bertaraf korporat.

Dan akhirnya penat lelah itu berbaloi apabila SSM telah menerima Sijil Amalan 5S pada 26 November 2012. Apa yang penting, tujuan Amalan 5S perlu dihayati bagi menjimatkan ruang di stor dan kompektus simpanan fail serta masa percarian fail seperti contohnya pencarian fail peribadi pekerja dapat dikurangkan dari 15 minit ke 30 saat.

Pada masa sama, sistem pencarian 'resume' dari Unit Pengambilan telah menjadi lebih mudah dengan pengelasan mengikut negeri. Selain itu, pelaksanaan 5S ini juga berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang bersih dan selamat, semangat bekerjasama dan persaingan secara sihat antara Bahagian/Seksyen dalam usaha mewujudkan keseragaman imej di SSM .

## Sisih
## Susun
## Sapu
## Seragam
## Sentiasa Amal



Sesungguhnya, dapat disimpulkan, pelaksanaan 5S ini telah membentuk nilai-nilai positif di kalangan kakitangan untuk mengelakkan pembaziran sebaliknya lebih banyak mengalakkan penjimatan.

Lebih menarik, sepanjang pelaksanaan Amalan 5S ini, Bahagian Sumber Korporat juga telah mengadakan pertandingan di antara setiap Bahagian/Seksyen yang bertujuan bagi menerapkan semangat dan motivasi tinggi di kalangan pekerja .

Bahagian/Seksyen telah dinilai melalui pemarkahan Pengauditan Dalaman dan tujuan pengauditan adalah untuk menilai tahap prestasi pelaksanaan Amalan 5S di setiap Bahagian/Seksyen serta mengiktiraf Bahagian/Seksyen yang terbaik. Pemenang bagi Kategori A ( iaitu Bilangan Pekerja bawah 40 Orang ) jatuh kepada  Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat dengan markah yang diperolehi sebanyak 92.1 peratus. Bagi kategori A ini, hadiah merupakan wang tunai RM700 beserta Sijil Penghargaan.

Sementara itu, pemenang bagi Kategori B ( iaitu Bilangan Pekerja lebih 40 orang) dimenangi oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran  dengan markah yang diperolehi sebanyak 90.7 peratus.  MBDD membawa pulang hadiah yang merupakan wang tunai RM1,000 beserta Sijil Penghargaan. Akhir kata, Amalan 5S amat berbaloi dilaksanakan kerana berjaya mewujudkan suasana kerja yang lebih sistematik serta profesional. Cabaran melaksanakannya akan menjadi lebih mudah jika mendapat kerjasama setiap kakitangan tanpa mengira hierarki pangkat.

Untuk memastikan pelaksanaan secara berterusan, ia tetap memerlukan kerjasama dan pemantauan dari semasa ke semasa. Jangan hanya tempat bekerja kemas dan bersih ketika jawatankuasa 5S melakukkan pemeriksaan audit sahaja!







MPC

Certificate of Achievement

Malaysia Productivity Corporation hereby certifies that

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
Menara SSM @ Sentral
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 KUALA LUMPUR

has implemented the standard requirements of Quality Environment Management System

Issue Date : 27 November 2012
Expiry Date : 26 November 2013
Certification No. : AC 3101

(Dato' Mohd. Razali Hussain)
Director General
Malaysia Productivity Corporation

# HARI BERTEMU PELANGGAN




Sebagai sebuah agensi pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan di samping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang awam, hubungan antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan pelanggan dan masyarakat ibarat aur dengan tebing yang saling bergantung antara satu sama lain.

Tanpa kerjasama hubungan itu, perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan untuk Malaysia tidak mampu bergerak jauh ke hadapan bagi memenuhi keperluan perniagaan, termasuk memberikan pernyataan nilai yang lebih baik melalui produk dan perkhidmatan berkualiti serta penyampaian khidmat yang cemerlang.

Dan sebagai menghargai kerjasama itu, SSM mengambil inisiatif menganjurkan program dikenali sebagai Hari Bertemu Pelanggan di Menara SSM@Sentral di sini pada 13 Disember 2012 sebagai memenuhi matlamat ke arah mesra pelanggan.

Program Hari Bertemu Pelanggan ini merupakan salah satu usaha SSM untuk sentiasa memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai di samping mengalu-alukan sebarang cadangan ke arah sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan SSM.

Pada program itu, lebih 50 pelanggan hadir bagi mendapat penjelasan mengenai perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh SSM. Mengikut statistik, seramai 21 orang berurusan tentang Penubuhan Syarikat, 9 orang berurusan tentang Pendaftaran Perniagaan, 4 orang membuat aduan, 2 orang berkaitan pematuhan dan 36 orang bertanya tentang lain-lain perkara seperti hal berkaitan COMTRAC, Produk dan perkhidmatan SSM.



Melalui program ini juga, pelanggan juga telah mem-beri cadangan penambahbaikan kepada SSM agar menyediakan pegawai yang boleh memberi penjelasan dalam bahasa Cina atau Mandarin pada masa akan datang, mengadakan program, Hari Bertemu Pelang-gan ini sekurang-kurangnya 2 bulan sekali dan menyediakan tempat untuk pesuruhjaya sumpah bagi tujuan urusan Pemerbadanan Syarikat.

Bagi memberi privasi kepada pelanggan, SSM menyediakan bilik-bilik khas bertemu pelanggan di Tingkat 18 sepanjang program itu berlangsung yang bermula pukul 2.15 pagi hingga 5.00 petang.





# SSM KINI DI UTC PUDU SENTRAL

Bagi memudahkan urusan orang ramai, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kini telah beroperasi di Bangunan Pusat Tranformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur yang dahulunya dikenali sebagai Pudu Sentral.

Pejabat cawangan yang terletak di Tingkat 2 itu dibuka pada 22 September lalu selepas UTC Kuala Lumpur dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pembukaan pejabat itu memberi peluang dan pilihan kepada orang ramai untuk berurusan dengan SSM selain di Ibupejabat di Menara SSM@Sentral, di Kuala Lumpur Sentral dan The Mall. Waktu operasi di UTC Kuala Lumpur bermula pukul 8.30 pagi sehingga 10 malam manakala waktu urusan kaunter bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

UTC Kuala Lumpur beroperasi setiap hari dan hanya ditutup pada cuti umum sahaja.

Perkhidmatan- perkhidmatan yang ditawarkan adalah pendaftaran perniagaan, pembaharuan pendaftaran perniagaan, pendaftaran penamatan perniagaan dan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

Turut ditawarkan perkhidmatan pendaftaran syarikat, kelulusan nama syarikat, pemerbadanan syarikat baru, pertukaran taraf syarikat, pertukaran nama syarikat, sijil memulakan perniagaan dan serah simpan dokumen berkanun syarikat.

Perkhidmatan yang adalah pembekalan maklumat syarikat dan perniagaan (Perkhidmatan e-Info), salinan dokumen syarikat, perniagaan tanpa pengesahan dan dengan pengesahan, surat pengesahan penamatan perniagaan dan surat pengesahan penglibatan peribadi syarikat dan perniagaan.

UTC KL adalah pusat sehenti di bawah satu bumbung merangkumi puluhan jabatan kerajaan, agensi swasta serta pusat rekreasi dan dibina melalui Strategi Lautan Biru dalam masa enam bulan dengan kos hanya RM24 juta.

UTC KL setinggi empat tingkat yang dibangunkan di tapak meletak kenderaan di Plaza Sentral menempatkan 39 jabatan kerajaan dan swasta serta pusat riadah, turut mempunyai Kedai Rakyat 1Malaysia dan Kedai Kain 1Malaysia. Ia merupakan UTC kedua selepas UTC pertama diwujudkan di Jalan Hang Tuah, Melaka.








# SSM GEGAR TAIPING






Lebih 1,000 penduduk setempat memenuhi Kawasan Letak Kereta E, Taman Tasik Taiping di sini bagi mengunjungi Program Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bersama Rakyat, pada 26 Januari lalu.

Program yang bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang itu dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zamry Bin Abd Kadir.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Tan Lian Hoe.

Pada program itu, seramai 30 penjaja dan peniaga kecil telah menerima Sijil Insurans menerusi Skim Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional (P1MPIN) yang dilaksanakan sejak 1 Januari lalu dengan peruntukan sebanyak RM16 juta oleh Kerajaan.

Pelbagai program juga telah diatur sepanjang program sehari ini antaranya Taklimat Skim Kepentingan SSM serta Pameran agensi-agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Turut diadakan cabutan bertuah, kuiz di gerai pameran, sukan rakyat bersama penduduk tempatan dan sukaneka kanak-kanak serta pengunjung juga dihiburkan oleh persembahan live band.













# FENOMENA TARIAN GANGNAM STYLE



# MAJLIS MAKAN MALAM SSM

Buat julung-julung kalinya, tarian *Oppa Gangnam Style* telah dipersembahkan oleh kakitangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sempena Majlis Makan Malam SSM 2012 yang berlangsung pada 18 Januari lalu.



Lebih menarik, aksi tarian kuda yang mencetus fenomena di seluruh dunia bukan dipersembahankan oleh kakitangan malah turut disertai oleh Pengurusan Tertinggi SSM seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Mohd. Naim Darwish dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Zahrah A. Wahab Fenner.

Menghangatkan suasana malam, aksi tarian itu diulang sebanyak dua kali hingga mendapat sorakan gemuruh para tetamu sebagai antara momen terindah untuk dikenang sampai bila-bila.

Sementara itu, Majlis Makan Malam SSM 2012 yang dianjurkan oleh Bahagian Sumber Korporat selaku penganjur turut dimeriahkan acara cabutan bertuah, hadiah pakaian paling menarik lelaki dan wanita selain hadiah misteri.



Majlis makan malam yang bertemakan *Nite of Stars* telah dihadiri lebih 700 orang kakitangan termasuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaacob.



Majlis makan malam itu bertambah meriah dengan persembahan-persembahan artis jemputan yang terkenal iaitu Papa Rock Malaysia, Ramli Sarip. Walaupun muncul pada pukul 10 malam, tetamu tetap menunggu untuk menyaksikan aksi penyanyi kelahiran Singapura itu hampir sejam.

Kemuncak persembahan, Ramli menggamatkan Dewan Majestic, The Majestic Hotel dengan lagu Kamelia yang cukup memberikan impak di hati penonton. Sambil melambaikan *light stick*, tetamu turut sama menyanyi dan bangun memberikan *standing ovation* kepada Ramli.



Pada malam itu juga kakitangan SSM turut dihiburkan oleh penyanyi Dafi yang berduet bersama Alyah. Sebelum itu Dafi turut membuat kejutan untuk bapanya apabila menyanyikan lagu popular Anuar Zain, Sedetik Lebih sempena hadiah harijadi Ismail Sabri pada 18 Januari yang ke-53 tahun.





# Mahasiswa teruja di SSM

"Seronok kan kerja di SSM ni. Bangunan cantik dan besar. Kakitangan pula nampak smart. Ada pula yang pakai *tie*," Itulah antara ayat-ayat yang sering diungkapkan oleh mahasiswa apabila membuat lawatan akademik ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Jelas sekali, perasaan teruja sentiasa tergambar di wajah anak-anak muda itu yang belum mengenal lagi erti alam pekerjaan yang pada hakikatnya penuh dengan pancaroba dan pahit getir.

Apa pun persaingan yang begitu mencabar dalam pasaran kerja hari ini pastinya memerlukan setiap mahasiswa itu dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya.

Atas dasar itulah, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terus menjadi pilihan utama universiti pengajian tinggi (IPT) golongan yang menekankan aspek praktikal dan pembelajaran di luar kelas bagi melahirkan siswazah yang berdaya saing.

Baru-baru ini seramai  90 mahasiswa semester 5, Sarjana Muda Pentadbiran Korporat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan 80 mahasisiwa Diploma Perakaunan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu mengadakan lawatan akademik ke SSM.



Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai pendaftaran perniagaan, pemerbadanan syarikat serta e-Perkhidmatan SSM.

Lawatan ini melibatkan beberapa bahagian dan seksyen seperti Seksyen Perkhidmatan Maklumat di Tingkat 17 dan Kaunter Pendaftaran Perniagaan di Tingkat 2.

Pada masa sama, para penceramah di Seksyen Pengurusan Pelanggan/Khidmat Kaunter, Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan (MBDD) telah tampil berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk memberikan taklimat berkaitan Pendaftaran Perniagaan, Pemerbadanan Syarikat di samping e-Perkhidmatan SSM.

Ironinya, golongan mahasiswa kini tidak boleh lagi terperuk di kampus dan mengasingkan diri daripada kelompok dunia pekerjaan sebenar. Mereka seharusnya sentiasa peka dan prihatin dengan isu-isu dan suasana alam pekerjaan yang bakal diceburi selepas tamat pengajian kelak.

Biarpun program lawatan akademik ini hanya diadakan selama setengah hari, namun ia mampu memberi impak yang besar terhadap para mahasiswa bagi membuktikan mereka mampu bertindak dan berfikir dengan lebih matang mengenai masa depan kerjaya mereka.







# Siapa Anda? Eksekutif Hebat!

Oleh: SUZANA MOHD RAZALI

Laungan SIAPA ANDA? EKSEKUTIF HEBAT!! berkumandang setiap kali sebelum kelas bermula. Rata-rata yang masih belum terjaga sepenuhnya dari lamunan pagi akan terjaga dan kembali bersemangat melaungkan kata-kata hikmah daripada YBhg. Dato' Dr Syed Ahmad Syed Samsuddin Al-Saggoff, ketua konsultan program kursus Pembangunan Eksekutif 2012.

Begitulah suasana setiap kali sesi bersama YBhg. Dato' Dr Syed berlangsung. Program yang telah disediakan khusus untuk eksekutif SSM ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bertempat di Cherating, Pahang dengan objektif utama untuk membina keyakinan diri dan juga jati diri sebagai eksekutif SSM yang hebat dan cemerlang.

Hari pertama berlangsung dengan keadaan yang masih terkawal walaupun keseluruhan kawasan Cherating mengalami gangguan bekalan elektrik. Program tetap dimulakan dengan sesi pengenalan oleh pihak konsultan, En Abdul Hafiz Mohd Isa Azmi dan dibahagikan kepada kumpulan masing-masing. Ketika ini semangat setiakawan yang sedia terjalin menjadi lebih akrab kerana kami perlu membuat aktiviti dalam keadaan bergelap dan panas.

Awal pagi esoknya setelah aktiviti riadah pagi bersama En Hafiz, aktiviti yang ditunggu-tunggu dijalankan. Peserta diberi tugasan untuk aktiviti ala-ala *Explorace* SSM ☺. Berlari-lari peserta kursus bersama ahli kumpulan masing-masing mencari *clue* serta melakukan tugasan yang diberikan bagi mendapatkan clue seterusnya dan juga cebisan *jigsaw puzzle* serta teka-teki. Antara yang paling tidak dapat dilupakan ialah apabila peserta berebut-rebut masuk ke dalam kolam renang untuk mencari *clue* yang disembunyikan, akhirnya *clue* tersebut didapati berada di luar kolam tersebut. Habis basah kuyup kesemuanya sambil disambut dengan hilaian gelak ketawa para peserta yang tertipu dengan helah fasilitator mengenai kedudukan sebenar *clue* terakhir tersebut. Aktiviti *Explorace* tersebut diakhiri dengan menyiapkan kesemua kepingan *jigsaw puzzle* yang dikumpul daripada kesemua kumpulan dengan maksud tersirat bahawa kerjasama adalah penting bagi kejayaan sesebuah tugasan yang diberikan.

Selepas penat berlari-lari dengan aktiviti *Explorace* dan jamuan sarapan pagi; sesi diteruskan dengan kelas teori dan sesi pembentangan bersama kedua-dua konsultan.

Pihak fasilitator seterusnya membuat kejutan kepada peserta kursus apabila kami dibawa melawat ke Pusat Penerangan dan Santuari Penyu bertempat di pantai Cherating, Pahang. Pusat ini merupakan tempat perlindungan, penetasan, penyebaran maklumat, pembelajaran dan penyelidikan mengenai penyu. Kami telah diberi sesi penerangan dan penayangan video berhubung aktiviti yang dijalankan oleh pusat tersebut. Seterusnya setiap peserta kursus diberi peluang untuk melepaskan 'anak angkat' penyu masing-masing ke laut. Pelbagai karenah oleh 'ibu bapa angkat' bersama anak masing-masing dapat dilihat dan ada yang turut menamakan anak penyu masing-masing serta memanggil nama anak penyu tersebut ketika memberi kata-kata semangat untuk turun ke laut dengan selamat.

Setelah puas melawat kawasan sekitar pusat tersebut, peserta bergegas pulang untuk bersiap bagi majlis makan malam bersama tetamu kehormat YBhg. Dato' Dr Syed Ahmad Syed Samsuddin Al-Saggoff. Majlis makan malam disusuli dengan persembahan daripada kumpulan peserta kursus antaranya seperti tarian tradisional, dikir barat, tarian *twist*, nyanyian serta lakonan. Tidak kering gusi para peserta serta fasilitator menonton persembahan pada malam tersebut.

Keesokan harinya, para peserta meneruskan aktiviti di dalam kelas sebelum acara penyampaian sijil serta kumpulan terbaik dijalankan. Begitulah berakhirnya kursus selama 3 hari 2 malam di Cherating, Pahang ini. Akhir kata, semoga apa yang telah dibina sepanjang 3 hari berkursus akan berterusan demi memartabatkan nilai-nilai Korporat SSM : Kerja Berpasukan, Integriti, Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran Berterusan, Pencapaian Hasil dan akhir sekali, Berorientasi Pelanggan akan terus diadaptasikan dalam rutin seharian peserta kursus dan warga SSM amnya.

Rakan-rakan sekalian, bekerjalah dengan ikhlas kerana Agama, bangsa dan Negara demi SSM. I Love SSM ☺









# PENGENALAN PEKERJA BARU

Kemasukan dari bulan Januari 2013



MOHAMAD BIN PARKASI
KETUA SEKSYEN (GRED 55)
SEKSYEN PENGURUSAN TRANSFORMASI



MUHAMMAD RAZIN BIN RAZALI
EKSEKUTIF (GRED 50)
B.SUMBER KORPORAT



GUNASEGAR A/L PALANIVELU
PEGAWAI KHAS (GRED 50)
PEJABAT MENTERI KPDNKK



NIK AHMAD SHIHAN BIN ABDUL AZIZ
EKSEKUTIF (GRED 50)
B.SUMBER KORPORAT



LIM HOE KEAT
EKSEKUTIF (GRED 50)
B.PEMATUHAN



HIMMATUN ALIA BINTI ABDUL HALIM
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN



MOHAMAD SANI BIN ABD HAMID
EKSEKUTIF (GRED 50)
B.SUMBER KORPORAT



ADLINNA BINTI NASIR
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN



MOHD AFIQ BIN RUSLAN
EKSEKUTIF (GRED 50)
B.SUMBER KORPORAT



RADZI BIN AHMAD
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SIASATAN



KHAIRIL AZFAR BIN ABDUL RAHMAN
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SIASATAN



NURUL AQILAH BINTI MOHD ZAHARI
EKSEKUTIF (GRED 50)
SEKSYEN AUDIT DALAM



AQILAH BINTI OTHMAN
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SUMBER KORPORAT



NUR'AINA BINTI MOHAMED SAHARIN
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SUMBER KORPORAT



AARON ANTHONY DOSS
EKSEKUTIF (GRED 50)
SSM JOHOR



MUHAMMAD FATHUL HAKIM BIN ABDUL KADIR
EKSEKUTIF (GRED 50)
SEKSYEN AUDIT DALAM



SAIFUL HAFIZ BIN HAMIDON
EKSEKUTIF (GRED 50)
SSM SARAWAK



NUR ATHIRAH BINTI ABDUL RAHIM
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SUMBER KORPORAT



ZAKIATUL NAFSIAH BINTI MUHAMMAD
EKSEKUTIF (GRED 50)
UNIT PENGURUSAN RISIKO



AHMAD FARIB BIN CHE AZMI
EKSEKUTIF (GRED 50)
SSM JOHOR



KANG KOK TEONG
EKSEKUTIF (GRED 50)
SEKSYEN AUDIT DALAM



NIK MOHD ZULKRI BIN CHE JUHARI @ SHAARI
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SIASATAN



MOHAMMAD KHAIRUNNIZAT BIN KHORI
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. PERKHIDMATAN PENDAFTARAN



MOHAMMAD YUSRIZAL BIN MOHAMMAD YUSOFF
EKSEKUTIF (GRED 50)
B. SUMBER KORPORAT



MOHAMAD FAHMI BIN MOHAMMAD JAMIL
EKSEKUTIF (GRED 50)
SEKSYEN AUDIT DALAM



NURUL MAISARAH BINTI MOHD ARSHAD
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
B. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN



MUHAMMAD RIDHWAN BIN BABA
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM N.SEMBILAN



MOHAMMAD ASROL BIN YUSOF
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM JOHOR



ZULHILMI BIN SHAMSUDDIN
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM P. PINANG



HAIRUZAMAN BIN SANGIT
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM TERENGGANU



ARIFF OTHMAN BIN OMAR
JURUTEKNIK IT
(GRED 47)
B. TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



HAIRUL IZWAN BIN HASNAN
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM P.PINANG



MUHAMMAD ANIS BIN MOHD ALI
JURUTEKNIK IT
(GRED 47)
B. TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



MUHAMMAD ABDUL MUJIB BIN YAHYA
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
B.SUMBER KORPORAT



MUHAMMAD ASHRAF BIN ATAN
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM N. SEMBILAN



MUHAMAD IZZAT BIN HAMITAF
PEMBANTU TAKBIR (GRED 47)
SSM PAHANG



MOHD AZZAHARI BIN SAHRIN
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
UNIT PENGURUSAN RISIKO



NURUL AIN BINTI BAKRY
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
B.SUMBER KORPORAT



SHAHADAN BIN MOHD NOR
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
B.SUMBER KORPORAT



PUTRI NOOR SA'ADAH BINTI SYAHRUL AKBAR
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
B. PERKHIDMATAN PENDAFTARAN

# AL-FATIHAH

Januari - Mac 2013



NOR'ATIRAH BT MOHD NOR
MENINGGAL DUNIA PADA
28 JANUARI 2013
B. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN



AMIRUDDIN B MOHD NOR
MENINGGAL DUNIA PADA
17 MAC 2013
B. PERKHIDMATAN PENDAFTARAN



MOHD KHAIRI B JUNAIDI
MENINGGAL DUNIA PADA
24 MAC 2013
B. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN

# SALAM PERSARAAN

Persaraan dari bulan Oktober 2012 - Mac 2013



**SAEMAH BT SHAHIDIN**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 48)
SSM PERAK
BERSARA WAJIB PADA
04 OKTOBER 2012



**SAKDIAH BT ABDUL GHANI**
SETIAUSAHA (GRED 49)
SSM IBU PEJABAT
BERSARA WAJIB PADA
25 OKTOBER 2012



**ETON BT MAHFOZ**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM IBU PEJABAT
BERSARA PILIHAN PADA
08 NOVEMBER 2012



**FAUZIAH BT MOHD ALI**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM MELAKA
BERSARA WAJIB PADA
11 DISEMBER 2012



**WAN MAZNAH BT WAN AHMAD**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 48)
SSM KELANTAN
BERSARA WAJIB PADA
31 DISEMBER 2012



**UMOL KALSOM BT HJ SAID**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 48)
SSM IBU PEJABAT
BERSARA PILIHAN PADA
01 JANUARI 2013



**ROHAYA BT OMAR**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 48)
SSM PAHANG
BERSARA PILIHAN PADA
14 JANUARI 2013



**ZALIAH BT ABU SAMAH**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 48)
SSM PAHANG
BERSARA PILIHAN PADA
14 JANUARI 2013



**ZARIAH BT JALALUDDIN**
PEMBANTU TADBIR
(GRED 47)
SSM PERAK
BERSARA WAJID PADA
04 MAC 2013

# TASKA SSM






TASKA SSM iaitu Taska Raihana telah mengadakan Majlis Hari Graduasi bagi meraikan anak-anak yang bakal mencapai umur lima tahun pada tahun 2013.

Majlis yang diadakan dalam suasana gembira dan pilu itu menyaksikan seramai 10 murid telah berjaya menamatkan pembelajaran di tadika itu.

Majlis diadakan di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah bermula pada pukul 10.00 pagi dengan kehadiran kira-kira 20 ibu bapa dan penjaga.

Sijil Tamat Graduasi telah disampai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Tuan Mohd. Naim Darwish. Turut hadir Pengarah Kanan (Penguatkuasaan), Encik Mahamad Naser Disa dan Presiden Kelab SSM, Farid Ahmad.

Apa pun tahniah diucapkan kepada murid-murid yang telah berjaya menamatkan pembelajaran dan yang terpilih sebagai murid cemerlang di tadika ini.

Terima kasih juga tidak terhingga kepada guru-guru yang merupakan nadi utama tenaga pengajar serta ibu bapa yang sentiasa memberikan kerjasama sepanjang anak-anak mereka berada di tadika ini.

Semoga anak-anak ini akan mencapai kejayaan yang lebih besar di peringkat sekolah, universiti dan kerjaya, seterusnya menjadi modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan daripada anak-anak yang akan meninggalkan Taska Raihana. Memang kelakar menonton persembahan anak-anak yang penuh dengan pelbagai ragam.Taska Raihana bermaksud Bunga-Bunga Syurga dan ditempatkan di Tingkat 2 telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Mempunyai keluasan 214 meter persegi, Taska Raihana boleh menempatkan seramai 33 kanak-kanak dalam satu masa yang berumur di antara 2 bulan hingga 4 tahun.

Walaupun terletak di Tingkat 2, Menara SSM namun ia mempunyai pelbagai kemudahan untuk kegunaan kanak-kanak dalam rutin seharian seperti tempat tidur, tempat menyusu, tempat bermain dan ruangan pembelajaran.

Pada masa yang sama, terdapat kemudahan lain seperti bilik mandi, dapur, tempat menunggu dan ruangan mendapat rawatan. Setiap sudut dipasang kamera litar tertutup untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.

Taska Raihana menyediakan lebih 9 orang tenaga pengajar yang berpengalaman dan setiap tenaga pengajar akan menjaga sekurang-kurangnya 3 kanak-kanak.

# PAKEJ INSENTIF BERI MANFAAT KEPADA 715,958 ENTITI PERNIAGAAN

Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2012 yang bermula pada 1 Jun hingga 31 Disember 2012 telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada peniaga kecil dan penjaja.

Berdasarkan statistik SSM, sejumlah 715,958 entiti perniagaan mendapat manfaat daripada pakej tersebut manakala jumlah pendapatan yang tidak dikutip oleh SSM sebagai hasil pakej di antara bulan Jun hingga Disember 2012 adalah RM160.59 juta.

Pengenalan pakej ini menyaksikan sebanyak 195,430 pendaftaran perniagaan baru di antara bulan Jun hingga Disember 2012 dengan jumlah diskaun yang diberikan adalah RM44.6 juta. Keseluruhannya, sebanyak 324,761 pendaftaran baru didaftarkan dari bulan Januari hingga Disember 2012 berbanding 284,598 pada tahun 20122. Jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak 14.1%.

Sementara jumlah pembaharuan perniagaan dicatatkan sepanjang Jun hingga Disember 2012 sebanyak 520,528 dengan jumlah diskaun yang diberikan adalah RM133 juta. Secara keseluruhannya, jumlah pembaharuan perniagaan dari bulan Januari hingga Disember 2012 adalah 793,123 berbanding 592,693 pada tempoh yang sama pada 2011. Ia melibatkan peningkatan sebanyak 33.6%.

Pelaksanaan Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan SSM diumumkan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 27 Mei 2012. Pakej ini bertujuan menyumbang ke arah pengurangan kos pendaftaran yang dihadapi oleh komuniti peniaga kecil dan golongan penjaja.

# LLP SATU BENTUK PERNIAGAAN BARU

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melancarkan satu bentuk perniagaan baru yang dikenali sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) sebagai pilihan kepada para peniaga untuk menjalankan perniagaan.



Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur pada 21 Februari lalu.

Dengan pengenalan PLT ini, pihak awam diberikan lebih banyak pilihan bentuk perniagaan selain daripada pilihan tradisional seperti syarikat, milikan tunggal atau firma perkongsian.

PLT menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan sebuah firma perkongsian yang memberikan perlindungan status liabiliti terhad kepada pekongsi-pekongsi dan keanjalan aturan perkongsian kepada urusan dalam perniagaannya.



Konsep PLT ini menyokong perniagaan baru, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan golongan professional untuk berkembang maju tanpa perlu bimbang terhada liabiliti dan asset peribadi dan keperluan pematuhan yang ketat.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memudahkan prosedur dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan, pengenalan PLT ini juga meletakkan Malaysia sebagai sebuah destinasi perniagaan yang kompetitif di pentas dunia.




Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang mengawal pendaftaran, pentadbiran dan penamatan PLT telah dikuatkuasakan pada 26 Disember 2012.

Bermula 5 Februari 2013, pihak awam telah dibenarkan untuk mendaftar perniagaan sebagai PLT melalui perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh SSM melalaui Portal MyLLP.

MyLLP SSM
LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP

# LAPORAN MAKLUM BALAS BERKAITAN
# ISU SUARAM DAN SUARA INISIATIF SDN BHD



**EN MOHD NAIM DARUWISH**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA SYARIKAT
MALAYSIA (SSM)



Harian Metro
Setempat
Suaram dibiayai dana asing
**SSM ambil tindakan**



NASIONAL
'Ada bukti Suaram terima dana yayasan George Soros'



Dalam Negeri
**ROS ketuai kajian status Suaram**
Suaram dibidas cabar kewibawaan negara

1 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ingin merujuk kepada siaran media elektronik dan cetak berhubung isu 'SUARAM' dan Suara Inisiatif Sdn. Bhd yang tersiar baru-baru ini khususnya mengenai kenyataan JMM dan PERKASA yang mempersoalkan kredibiliti dan peranan SSM dalam menangani isu-isu yang ditimbulkan berkaitan SUARAM.

2 SSM ingin memaklumkan bahawa entiti 'SUARAM' atas nama tersebut yang mendakwa dan bertindak sebagai sebuah 'NGO' bukanlah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang mana kedua-dua Akta tersebut adalah di bawah bidangkuasa dan dikawalselia oleh SSM. Oleh yang demikian, SSM ingin memperjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti SUARAM sebagai sebuah entiti tersendiri bukan di bawah bidangkuasa SSM.

3 Selanjutnya SSM ingin menjelaskan bahawa sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab mendaftar dan mengawal-selia syarikat-syarikat dan entiti perniagaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, SSM tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat kegiatan dan punca kewangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar. Oleh yang demikian, kenyataan dan persepsi JMM dan PERKASA yang menganggap bahawa SUARAM dan Suara Inisiatif Sdn. Bhd (sebuah perbadanan syarikat) sebagai entiti yang sama adalah tidak tepat di sisi undang-undang.

4 Berdasarkan laporan yang tersiar, pihak SSM sedang menjalankan siasatan terhadap syarikat SUARA INISIATIF SDN. BHD ('SISB') yang dikaitkan dengan SUARAM. SISB didaftarkan dengan SSM di bawah Akta Syarikat 1965. Pemeriksaan SSM terhadap SISB merangkumi pelbagai aspek dengan mengambilkira Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang diserahsimpan dengan SSM iaitu samada laporan tahunan dan penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan adil *(true and fair view)* terhadap kedudukan kewangan syarikat. Antara aspek pemeriksaan yang diambilkira berkaitan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang seharusnya memberi gambaran sebenar berkenaan status dan objek syarikat dan disediakan mengikut piawaian perakauan yang diluluskan *(approved accounting standard)*, berkaitan rekod pendapatan syarikat yang harus memberi gambaran yang tepat dan benar, tentang kuasa fidusiari (fiduciary powers) oleh pengarah-pengarah syarikat SISB berhubung tadbir urus SISB, dan dokumen-dokumen perakaunan yang menyokong transaksi-transaksi yang telah dilakukan oleh syarikat.

5 Hasil siasatan SSM setakat ini menunjukkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SISB yang telah diserahsimpan dengan pihak SSM serta dokumen-dokumen perakaunan yang dikemukakan oleh SISB setakat ini mengandungi beberapa maklumat yang mengelirukan dan meragukan. Pemeriksaan lanjut sedang giat diambil bagi meneliti samada terdapat pelanggaran dan/atau keingkaran terhadap peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

6 Untuk perhatian, setiap kes yang disiasat oleh SSM perlu menjalani proses dan prosedur siasatan berlandaskan undang-undang dan ia mengambil masa bagi tujuan pengumpulan maklumat dan bahan bukti yang kukuh dan lengkap bergantung kepada kompleksiti sesuatu kes yang disiasat. Semua pihak yang disiasat termasuk siasatan terhadap SISB akan menjalani proses yang sama. Proses ini terpakai bagi semua pihak yang disiasat dan siasatan terhadap SISB tidak terkecuali.

SSM ingin juga menegaskan bahawa adalah *'premature'* dan prejudis bagi SSM untuk memaklumkan status siasatan secara terperinci dari semasa ke semasa sehinggalah siasatan tersebut selesai dijalankan sepenuhnya.

Justeru siasatan yang menyeluruh dan teliti perlu dijalankan sebelum keputusan dapat dibuat dan mengenalpasti bentuk kesalahan urus tadbir syarikat yang boleh diambil tindakan undang-undang terhadap syarikat dan/atau individu-individu tertentu.

7 SSM ingin memperjelaskan bahawa peranan SSM berhubung dana dan/atau pendapatan yang diterima oleh sesebuah syarikat adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 iaitu bagi memastikan ianya direkodkan - untuk memberi gambaran yang benar dan adil terhadap kedudukan kewangan syarikat. Sekiranya penyata kewangan dan Laporan Tahunan syarikat yang diserahsimpan kepada SSM mengandungi maklumat yang mengelirukan atau maklumat palsu, tindakan undang-undang boleh diambil oleh SSM bagi kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965. Tiada apa-apa peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 menghalang mana-mana syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menerima sumbangan dana kewangan secara sah

8 Kesimpulannya sesebuah syarikat hendaklah memberi gambaran sebenar berhubung sumber pendapatannya dan perkara ini hendaklah direkodkan dengan tepat dan telus menurut piawaian perakaunan yang diluluskan *(approved accounting standard)* seperti yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965. Di samping itu aktiviti dan perniagaan sesebuah syarikat itu hendaklah selari dengan objek penubuhan dan Memorandum syarikat yang didaftarkan dengan SSM.

9 Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, kenyataan Presiden Jaringan Melayu Malaysia dan PERKASA mengenai dakwaan bahawa SSM gagal mengambil sebarang tindakan terhadap isu SUARAM dan SISB adalah tidak tepat. Pada hakikatnya, SSM telah dan sedang mengambil tindakan berkaitan perkara ini sepertimana penjelasan diatas dan had *(limitation)* undang-undang yang terpakai.

JMM dan PERKASA seharusnya membuat kajian dan penelitian fakta dan undang-undang terlebih dahulu sebelum membuat kesimpulan yang amat menjejaskan reputasi dan imej SSM berkaitan isu ini secara keseluruhan. Sehubungan itu juga, SSM berpandangan saranan-saranan yang dibuat oleh Presiden Jaringan Melayu Malaysia dan PERKASA terhadap SSM dan Pengurusannya adalah amat mengecewakan serta *"uncalled for and unwarranted"*

DIKELUARKAN OLEH:

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
1 SEPTEMBER 2012

# LATIHAN KEBAKARAN



Panik dan huru-hara! Itulah keadaan yang sering dihadapi apabila berlaku sesuatu kecemasan. Saat itu, apa yang terlintas di dalam fikiran adalah menyelamatkan diri biarpun cara yang digunakan memberi risiko kepada diri sendiri. Justeru, di sini letaknya kepentingan menjalani latihan kebakaran dan 'pengosongan' bangunan.

Biarpun perkara itu sering dianggap remeh oleh segelintir individu, latihan tersebut sebenarnya penting untuk setiap individu bagi membantu menangani kecelaruan pada saat-saat genting.

Malah, situasi akan lebih 'gamat' apabila berlakunya kecemasan di bangunan tinggi sehingga 31 tingkat yang melibatkan ramai kakitangan dan perlu menyelamatkan diri menggunakan tangga. Berdasarkan faktor tersebut, Pengurusan Tertinggi SSM dan MIDA mengambil inisiatif mengadakan latihan kebakaran dan pengungsian bangunan secara bersama.

Latihan ini akan melibatkan seluruh warga kerja SSM dan juga orang awam yang berada di premis ini pada waktu tersebut dan tiada pengecualian diberikan kepada sesiapa. Latihan *"Fire Drill"* bermaksud satu latihan menyelamatkan diri itu semasa berlaku kebakaran melalui pintu dan tangga yang ditetapkan ke tempat yang selamat.

Objektif mengadakan latihan ini adalah untuk mendapatkan pengetahuan serta kemahiran mengenai garis panduan dan tatacara melepaskan diri bila berlaku kebakaran dan dapat memahami tujuan sebenar serta mengenal pasti cara-cara menyediakan perancangan, tindakan bersistematik dalam melaksanakan pengungsian bangunan.

Kesimpulannya, latihan kebakaran itu perlu diadakan untuk semua kakitangannya supaya kebakaran atau sebarang kecemasan dapat dicegah lebih awal melalui pendedahan dan pengalaman yang diperoleh daripada latihan tersebut.

Diharap semua kakitangan SSM mendapat pengalaman dan mampu membuat penilaian sewajarnya apabila mereka berada dalam keadaan kecemasan.











# TERIMA KASIH SSM




Tabung Kemanusiaan Palestin

# BANTUAN GAZA

LAPORAN BERGAMBAR

# MAJLIS MAKAN MALAM SSM

## 18 JANUARI 2013

























# LAPORAN BERGAMBAR








# SEKSYEN PENGURUSAN BANGUNAN & PRASARANA



LATIHAN KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN
BANGUNAN DI MENARA SSM@SENTRAL
13 DISEMBER 2012

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUNDANGAN



SEMINAR PENGURUSAN
KONTRAK SSM
5 & 6 NOVERMBER 2012



PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN 2012
KALI KE-4
10-12 DISEMBER 2012

LAPORAN BERGAMBAR

# PROGRAM & AKTIVITI



MAJLIS MAKAN MALAM APEC
30 JANUARI 2012



PAMERAN GOPENG RTC
18 FEBRUARI 2012




KARNIVAL SSM BERSAMA RAKYAT -
PAGOH, JOHOR
3 MAC 2012



KARNIVAL SSM BERSAMA RAKYAT -
PAGOH, JOHOR
3 MAC 2012



KARNIVAL SSM BERSAMA RAKYAT -
PAGOH, JOHOR
3 MAC 2012



KARNIVAL SSM BERSAMA RAKYAT -
PAGOH, JOHOR
3 MAC 2012



PROGRAM RTC WAKAF CHE YAH
04 MAC 2012



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI
ANTARA SSM DENGAN UIAM
20 MAC 2012



MAJLIS BANTUAN BANJIR
KAJANG & AMPANG
21 MAC 2012







# PROGRAM & AKTIVITI




BERBUKA WARGA PENJAJA
DAN PENIAGA KECIL SERTA MASYARAKAT SETEMPAT
4 OGOS 2012



MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2012



PROGRAM JALINAN KASIH - KESEDARAN
KEUSAHAWANAN BERSAMA OKU
23 OKTOBER 2012



MAJLIS TAMAT SESI TASKA SSM
29 NOVEMBER 2012




WORLD SME EXPO (WSE)
2012 HONG KONG 02
09 DISEMBER 2012



HARI BERTEMU PELANGGAN SSM



MAJLIS PENYAMPAIAN TABUNG
KEMANUSIAAN PALESTIN
14 DISEMBER 2012

LAPORAN BERGAMBAR

# LAWATAN



LAWATAN MAICSA
20 FEBRUARI 2012



LAWATAN GABEM
06 MAC 2012



LAWATAN MIA
09 APRIL 2012

LAPORAN BERGAMBAR

# LAWATAN



E SERVICES



SSM NATIONAL CONFERENCE 2012
12 & 13 JUN 2012



PERHEBAT
12 JULAI 2012



LICENSED SECRETARY TRAINING PROGRAMME (LSTP)



TRAINERS DEVELOPMENT HUB
12 JANUARI 2012



ENFORCEMENT RELATED TRAINING PROGRAMME



ICT PROFICIENCY PROGRAMME



SSM & IIUM MOU SIGNING
20 MAC 2012



YV SITCOM



SSM INNOVATION CATALYST TEAM BOOTCCAMO
27-29 JULAI 2012



FUNDAMENTAL OF INNOVATION EXECUTIVE
18-23 JUN 2012



SSM LEADING AND MANAGING INNOVASIAN WORKSHOP
30 JULAI 2012

# LAPORAN BERGAMBAR



CUSTOMER SERVICE EXCELLENCE PROGRAMME



ENGLISH PROFICIENCY PROGRAMME



INNOVASIAN AWARENESS FOR SSM NON EXECUTIVE
24 MEI 2012



CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP)



CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP) PREMIER
11 DISEMBER 2012



CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP) PREMIER
11 DISEMBER 2012

# SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN SSM, TINGKAT 14, MENARA SSM@SENTRAL
6 DISEMBER 2012



PERHIMPUNAN BULANAN SSM
18 OGOS 2012



PERHIMPUNAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN
12 MEI 2012 MAEP, SERDANG



KANIVAL SUKAN KPDNKK BERSAMA AGENSI 2012
16, 17 DAN JUN 2012
KOMPLEKS SUKAN UNITEN SERDANG



MAJLIS BERBUKA PUASA SSM
1 OGOS 2012
MENARA SSM@SENTRAL



INDUKSI 2012
13-25 FEBRUARI 2012
FELDA RESIDENCE, TROLAK



PERSONAL DEVELOPMENT PROGRAMME
SRI DINA RETREAT, JANDA BAIK
13-15 SEPTEMBER/16-18 SEPTEMBER 2012



ALL-STAR TRAINING
GOLD COAST, MORIB
13-15 DISEMBER 2012



LAWATAN MICPA
20 NOVEMBER 2012

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Bentuk perniagaan masa kini :

- Syarikat (Sdn Bhd dan Berhad)
- Perkongsian
- Milikan tunggal

Selaras dengan usaha bagi memodenisasi dan meliberalisasikan bentuk perniagaan bagi mewujudkan suasana perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif, satu bentuk perniagaan baru diperkenalkan:

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD - PLT
## (Limited Liability Partnership - LLP)

# MyLLP

LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP

Ciri-ciri PLT :

1. Satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan sebuah perkongsian biasa;
2. Mempunyai keperibadian undang-undang berasingan dan menawarkan status liabiliti terhad kepada pekongsi;
3. Bentuk perniagaan yang lebih berstruktur berbanding pemilikan tunggal atau perkongsian biasa; dan
4. Bentuk perniagaan yang menawarkan prosedur yang mudah dan fleksibel bagi tujuan penubuhan, penyenggaraan dan pembubaran.

Sesuai untuk :

• Golongan Profesional • Perniagaan kecil dan sederhana
• Usahasama (joint ventures) • Modal teroka (venture capital)

Sila kunjungi laman portal SSM

www.ssm.com.my

Atau kaunter SSM untuk maklumat lanjut.